

Selasa, 2 Jun 2015

### 1. Lima jabatan terima empat

#### Pentadbiran Kerajaan di Negeri Sembilan cemerlang

SEREMBAN 1 Jun - Jabatan dan agensi kerajaan di negeri ini terus mencatatkan prestasi yang memuaskan bagi setengah pertama tahun ini dengan jangkaan ia mampu mencapai kecemerlangan dalam tempoh enam bulan akan datang.

Menteri Besar, Datuk Seri Mohamad Hasan berkata, pencapaian itu ditunjukkan antaranya melalui penarafan empat bintang untuk lima jabatan kerajaan seperti yang dikeluarkan dalam laporan Ketua Audit Negara untuk tahun lalu.

Beliau berkata, lima jabatan berkenaan ialah Pejabat Tanah Jempol, Pejabat Tanah Tampin, Pejabat Tanah Kuala Pilah, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan Jabatan Kerja Raya negeri.

"Syukur enam bulan pertama tahun ini, kita di Negeri Sembilan dapat menempuh dengan baik dan saya yakin serta percaya, kita akan dapat menamatkan enam bulan kedua tahun ini dengan lebih cemerlang.

"Saya ingin mengucapkan tahniah kepada lima jabatan yang telah mendapat penarafan empat bintang oleh Ketua Audit Negara untuk tahun 2014," katanya dalam Perhimpunan Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan di perkarangan Dewan Undangan Negeri di sini hari ini.

Menurutnya, pencapaian itu menunjukkan bahawa usaha untuk terus cemerlang dan mengikuti segala prosedur jabatan serta arahan Perbendaharaan tetap kekal sebagai budaya yang diamalkan.

Dalam masa sama, jelasnya, tuntutan kerja yang sedang dihadapi semakin lama semakin meningkat yang memerlukan pemahaman dan penyesuaian baharu dalam cara ka-kitangan awam menjalankan kerja.

"Kita mesti melihat semula prosedur di pejabat kita, lihat semula cara kita bekerja supaya amalan kerja yang telah lama kita lakukan boleh diselaraskan dengan keadaan semasa.

"Zaman telah berubah kerana teknologi berubah dengan cepat dengan semuanya kini berada di hujung jari.

"Jadi kita juga mesti mengubah cara bekerja dan yang paling penting sekali cara kita berfikir," ujarnya.

Mohamad mengingatkan banyak dasar-dasar yang baik dan mendatangkan faedah kepada rakyat tetapi jika tidak dilaksanakan dengan baik akan menyebabkan orang ramai menjadi marah kepada kerajaan.

Beliau berkata, akhirnya dasar yang baik terkubur dan tidak menepati seperti apa yang dihasratkan oleh kerajaan.



Selasa, 2 Jun 2015

## 2. 1MDB perlu selesaikan hutang RM42bilion

### Hutang pinjaman RM42 bilion elak jejas kepentingan rakyat

KUALA LUMPUR 3 Jun - 1Malaysia Development Bhd. (1MDB) harus bertanggungjawab menyelesaikan hutang pinjaman sebanyak RM42 bilion menerusi pelan rasionalisasinya tanpa memerlukan bantuan kerajaan bagi memastikan ia tidak menjelaskan kepentingan negara khususnya rakyat.

Menteri Kewangan II, Datuk Seri Ahmad Husni Hanadzlah berkata, sekiranya 1MDB gagal menjelaskan hutang berkenaan kerajaan terpaksa menanggung dan secara tidak langsung akan memberi kesan terhadap peningkatan kadar defisit negara.

"Apabila saya terlibat dengan 1MDB ini apa yang saya fikirkan adalah rakyat, kalau kerajaan ambil alih RM42 bilion ini dan pada masa kita akan mulakan Rancangan Malaysia Ke-11 tahun depan yang perbelanjaan pembangunan pula adalah sebanyak RM52 bilion, jika dicampurkan sudah pasti defisit akan melonjak tinggi.

"Kita sasarkan defisit tahun ini adalah pada kadar 3.2 peratus dan kalau ini berlaku defisit kita akan mungkin menjadi lebih daripada empat peratus," katanya dalam siaran langsung rancangan Dialog Khas 1MDB: Di Mana Wangnya? yang disiarkan menerusi saluran RTM1 malam ini.

Sehubungan itu, Ahmad Husni memberitahu, dalam konteks itu, 1MDB perlu bertanggungjawab menyelesaikan hutang berkenaan tanpa menjelaskan kepentingan rakyat.

Jelas beliau, sekiranya defisit negara melonjak tinggi, maka senario seperti 1998 akan berulang iaitu nilai mata wang negara akan jatuh.

"Apa yang akan terjadi apabila defisit meningkat adalah kedudukan mata wang negara akan jatuh dan syarikat yang meminjam dari luar negara terpaksa membayar dengan kadar yang tinggi berikutan penyusutan nilai ringgit," katanya.

Menyentuh soal integriti, Ahmad Husni berkata, dalam sistem demokrasi, kerajaan telah membuka ruang seluas-luasnya bagi memperlihatkan ketelusan dalam menjalankan siasatan terhadap syarikat berkenaan.



Rabu, 3 Jun 2015

### 3. 1MDB perincikan hutang RM42b

KUALA LUMPUR 3 Jun - 1Malaysia Development Berhad (1MDB) hari ini menjelaskan bagaimana hutang RM42 bilion syarikat itu dibelanjakan, sebagai menjawab pelbagai dakwaan tentang kewangan syarikat itu terutamanya mengenai kehilangan RM27 bilion daripada keseluruhan jumlah hutangnya.

Presiden dan Pengarah Eksekutif Kumpulannya, Arul Kanda berkata, huraian bagaimana hutang itu dibelanjakan boleh didapati di dalam laporan prestasi syarikat itu untuk tempoh dari 31 Mac 2010 hingga 31 Mac 2014.

Di dalam huraian itu, hampir kesemua hutang oleh 1MDB dibelanjakan secara optimum. Sebahagian besar atau RM18 bilion dilaburkan dalam sektor tenaga, RM15.4 bilion dilaburkan ke dalam pelaburan dana, RM1.7 bilion untuk hartanah dan RM5.8 bilion lagi adalah untuk menampung pelbagai perbelanjaan kewangan.

Sementara RM900 juta lagi merupakan lebihan tunai syarikat itu. Kesemuanya berjumlah RM41.8 bilion atau dibundarkan menjadi RM42 bilion.

"Pada beberapa minggu lepas, terdapat banyak spekulasi terhadap hutang RM42 bilion 1MDB dan khususnya hutang bernilai RM27 bilion yang didakwa hilang. Sehubungan itu kami menyediakan perincian hutang RM42 bilion tersebut," kata Arul dalam kenyataan di sini hari ini.

Dalam pada itu menurut Bank Negara Malaysia (BNM) dalam kenyataannya, tiada layanan istimewa yang akan diberikan terhadap 1MDB seperti mana entiti-entiti yang lain dalam usaha bank pusat tersebut menjaga kestabilan dan integriti sistem kewangan negara, demi menjaga pertumbuhan ekonomi Malaysia.

"Semua pelaburan yang melebihi RM50 juta bagi setiap tahun dan sebarang pinjaman asing melebihi RM100 juta oleh entiti-entiti pemastautin memerlukan kelulusan BNM," menurut bank pusat itu.

Jelas BNM, tujuan pihaknya mengeluarkan kenyataan itu bertujuan untuk memberikan pencerahan mengenai peranannya terhadap mana-mana entiti pemastautin, termasuk 1MDB, yang membuat pelaburan di luar negara atau mendapatkan pinjaman luar negara di bawah Seksyen 214 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan di bawah Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953 yang berkuat kuasa sebelum tahun 2013.

Menurut bank pusat itu, pihaknya akan menjalankan siasatan jika mendapati kelulusan kewangan yang diberikan itu tidak dilaksanakan mengikut kandungan permohonan, maklumat yang diberikan di dalam permohonan salah atau palsu dan kegagalan untuk mematuhi syarikat-syarat ketika mendapatkan kelulusan.

"Sebagai sebahagian daripada proses siasatan, BNM akan mengeluarkan arahan yang meminta lembaga pengarah dan pengurusan syarikat untuk menyediakan pelbagai maklumat mengikut jangka masa tertentu. Di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, kegagalan memenuhi permintaan itu akan membolehkan pesalah didenda sehingga RM50 juta atau penjara 10 tahun atau kedua-duanya sekali," menurut BNM.

Mengenai 1MDB, BNM menjelaskan siasatan formal terhadap syarikat itu telah dimulakan mengikut peraturan dan perundangan di bawah kuasanya. Siasatan itu turut merangkumi sokongan perundangan untuk mendapatkan pelbagai maklumat yang diperlukan daripada 1MDB.

"BNM mahu menekankan bahawa pendedahan isi kandungan penyiasatan boleh menjelaskan hasil siasatan yang dijalankan ini. Bank pusat kini melakukan segala-galanya di bawah bidang kuasa kami untuk memastikan kelancaran isu ini," jelas BNM lagi.



Rabu, 3 Jun 2015

#### 4. BNM mula siasatan formal ke atas 1MDB

KUALA LUMPUR 3 Jun - Bank Negara Malaysia (BNM) memulakan siasatan formal ke atas 1Malaysia Development Bhd (1MDB) bagi meneliti sama ada berlaku pelanggaran peraturan dan perundangan Bank Pusat.

"Ini melibatkan arahan perundangan bagi mendapatkan maklumat daripada entiti," kata BNM dalam satu kenyataan hari ini.

BNM juga akan mengambil kenyataan daripada individu yang terlibat dalam proses tadbir urus dan mendapatkan maklumat daripada pihak domestik dan luar negara yang berkaitan.

Selain itu, BNM berkata ia telah mengemukakan maklumat yang diterima daripada pihak berkuasa luar negara kepada agensi penyiasatan berkenaan selepas mendapat kebenaran daripada pihak berkuasa asing.

"Bank Pusat ingin menekankan bahawa pendedahan lanjut butir-butir penyiasatan boleh menjelaskan hasil siasatan.

"Bank Pusat melakukan segala-galanya dalam bidang kuasa yang diperuntukkan di bawah perundangannya, termasuk bekerjasama dengan agensi-agensi lain, untuk menyumbang ke arah penyelesaian segera perkara itu," katanya.- BERNAMA



Selasa, 9 Jun 2015

### **5. 1MDB bayar balik pinjaman AS\$975 juta**

KUALA LUMPUR 8 Jun - 1Malaysia Development Bhd (1MDB) telah membuat bayaran penuh pinjaman berjumlah AS\$975 juta (RM3.6 bilion) kepada satu sindiket bank-bank antarabangsa selari dengan pelan rasionalisasi yang diluluskan oleh Kabinet.

Presiden dan Pengarah Eksekutif Kumpulan 1MDB, Arul Kanda berkata, pembayaran semula itu membuktikan komitmen syarikat dalam mengurangkan paras hutangnya.

"Pada 29 Mei, Kementerian Kewangan mengumumkan rancangan 1MDB untuk membayar pinjaman berjumlah AS\$975 juta kepada sindiket bank-bank antarabangsa berkenaan.

"Hari ini kami gembira untuk mengesahkan bahawa pinjaman itu sudah dibayar sepenuhnya," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Pada 29 Mei lalu, Menteri Kewangan II, Datuk Seri Ahmad Husni Hanadzlah dilaporkan berkata, 1MDB akan menerima dana pelaburan berjumlah RM3.6 bilion menerusi perjanjian yang dimeterai antara International Petroleum Investment Company (IPIC) dengan anak syarikat pelaburan Abu Dhabi, Aabar Investment (Aabar).

Menurut Ahmad Husni, menerusi perjanjian itu, IPIC akan membuat bayaran sebanyak RM3.6 bilion pada atau sebelum 4 Jun ini dan dana itu akan digunakan 1MDB bagi membayar balik pinjamannya.

Beliau berkata, bayaran balik pinjaman itu akan dibuat lebih awal daripada tarikh akhir seperti ditetapkan bank peminjam.

Rabu, 10 Jun 2015

#### **6. Tindakan berdasarkan tuduhan mengarut**

KUALA LUMPUR 9 Jun - Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak berkata tindakan dan pendakwaan berdasarkan tuduhan liar dan pendedahan tabloid merupakan tindakan yang karut.

Najib merujuk kepada dakwaan bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad bahawa "meminta orang ramai tidak tanya sebarang soalan sehingga laporan Ketua Audit Negara adalah mengarut".

Ketua Audit Negara (AG) kini dalam proses mengaudit syarikat pembangunan strategik milik kerajaan, 1Malaysia Development Bhd. (1MDB).

"Saya juga mahu jawapan yang cepat tetapi jika kita tidak membenarkan pihak berkuasa memberikan maklumat dengan cara yang sewajarnya dan mengikut perundangan, bagaimana boleh kerajaan mengambil tindakan terhadap sesiapa yang didapati bersalah?

"Adakah kerajaan sepatutnya mengambil tindakan dan pendakwaan berdasarkan tuduhan liar dan pendedahan tabloid? Ini karut," katanya dalam catatan terbaharu di blog beliau, NajibRazak.com.

Berikut ini isu 1MDB telah disensasi dan dipolitikkan, sehingga menyebabkan pelbagai 'peredahan' di beberapa laman web dan portal berita pihak ketiga, selain serangan ahli politik veteran, "hampir mustahil bagi pengurusan 1MDB atau sesiapa sahaja untuk menerangkan pelbagai isu tanpa melihat kenyataan mereka diputarbelitkan dan diperbesarkan oleh pihak yang mempunyai motif tersembunyi," demikian menurut Najib dalam blog itu.

"Itulah sebabnya siatasan penuh oleh pihak berkuasa diperlukan supaya tidak berlaku salah tafsiran atau diputar belitkan. Dengan membenarkan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) dan AG membentangkan laporan penuh, akan meletakkan kita dalam kedudukan yang lebih baik untuk mengenal pasti apa yang berlaku," kata Najib yang juga Menteri Kewangan.

Perdana Menteri yang juga Pengurus Lembaga Penasihat 1MDB berkata, AG mempunyai reputasi tidak berkompromi apabila melaporkan mengenai kelemahan dalam kewangan awam.

Beliau juga menyebut yang PAC terdiri daripada penggubal undang-undang daripada kerajaan dan pembangkang. - BERNAMA

Khamis, 11 Jun 2015

## 7. Jaga nama baik, imej jabatan kerajaan

KUALA LUMPUR 10 Jun - Kakitangan kerajaan diminta agar lebih berhati-hati ketika menjalankan tugas terutama sewaktu berurusan dengan orang ramai demi menjaga nama baik jabatan yang diwakili.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Mah Siew Keong berkata, kesedaran itu penting bagi mengelakkan timbulnya masalah dalam kalangan rakyat yang mahu berurusan di jabatan kerajaan berkaitan.

"Orang ramai akan ingat walaupun cuma satu perkhidmatan buruk yang pernah diberi oleh kakitangan kerajaan, sedangkan 99 lagi perkhidmatan cemerlang yang diberi sebelum ini mereka mungkin lupa.

"Cara layanan yang buruk akan memberi imej yang negatif kepada kerajaan. Sebab itu, kakitangan kerajaan mestilah selalu berhati-hati terutama sewaktu berurusan dengan orang ramai seperti di kaunter," katanya dalam sidang akhbar selepas merasmikan Persidangan Biomass 2015 yang bertemakan Menjana Industri Biomass Mapan di Malaysia di sini hari ini.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas kontroversi seorang wanita yang mendakwa dipaksa pegawai Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) memakai kain sarung sewaktu berurusan di kaunter JPJ kerana memakai skirt singkat.

Dalam insiden itu, wanita yang menggunakan nama Suzanne GL Tan telah meluahkan rasa kecewa dan memuat naik gambarinya yang dipaksa memakai kain sarung di akaun Facebook kerana melanggar tatacara pakaian pelawat.

Menurut Siew Keong, jabatan kerajaan seharusnya lebih rasional dan tidak membenarkan kakitangannya bertindak dengan sesuka hati sehingga boleh menimbulkan kemarahan dalam kalangan pengguna.

"Dalam negara seperti ini, semua pihak kena rasional dan tidak perlulah peraturan atau tindakan yang keterlaluan seperti ke atas wanita itu dikenakan. Tatacara berpakaian mestilah fleksibel dan sesuai dengan keadaan.

"Pegawai JPJ terbabit tidak seharusnya mengenakan tindakan sebegitu kerana insiden itu orang ramai telah menyifatkan sebagai keterlaluan sedangkan selama ini jabatan itu menyediakan perkhidmatan yang baik," ujarnya.

Khamis, 11 Jun 2015

### **8. Deloitte sahkan RM13.4b disimpan di Singapura**

KUALA LUMPUR 10 Jun - Deloitte & Co (Deloitte) mengesahkan bahawa terdapat dana RM13.4 bilion yang disimpan dalam Bank BSI di Singapura ketika audit terakhir ke atas 1Malaysia Development Bhd. (1MDB) dilakukan pada 31 Mac tahun lalu.

Firma audit antarabangsa itu mengesahkan perkara tersebut ketika prosiding bersama Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) di Parlimen, hari ini.

Pengerusi PAC, Datuk Nur Jazlan Mohamed bagaimanapun berkata, dana yang dianggap sebagai aset nilai saksama itu belum dapat dipastikan sama ada berbentuk unit atau tunai.

"Dana itu tidak lesap (ketika itu), ia ada dan sama dengan nilai yang telah diaudit.

"Cuma dalam menentukan dana itu berbentuk unit atau tunai selepas kerajaan menebus sebahagian daripada aset itu, Deloitte tak dapat mengesahkannya selagi tidak menerima arahan untuk mengaudit penyata kewangan berakhir 31 Mac 2015," katanya dalam sidang akhbar selepas mempergerusikan mesyuarat itu.

Sementara itu, Nur Jazlan menegaskan, tiada konflik kepentingan membabitkan anak lelaki Datuk Seri Najib Tun Razak, Mohd. Nizar Najib dalam pengauditan akaun 1MDB.

Beliau berkata, ini kerana anak Perdana Menteri itu bekerja di bahagian perkhidmatan kewangan Deloitte, bukannya di seksyen pengauditan firma audit antarabangsa tersebut.

Menurut Nur Jazlan, beberapa maklumat yang diperoleh melalui prosiding berkenaan akan dijadikan rujukan sebagai persediaan mendapatkan keterangan daripada pengurusan tertinggi 1MDB dalam prosiding akan datang.

"Secara kesimpulan, Deloitte menjawab beberapa persoalan khusus terhadap akaun 1MDB tetapi PAC berkemungkinan akan memanggil semula firma berkenaan jika diperlukan," ujarnya.

Nur Jazlan berkata, PAC akan memanggil Presiden 1MDB, Arul Kanda Kandasamy dan bekas Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) syarikat itu, Datuk Shahrul Azral Ibrahim sekali lagi pada Ogos ini untuk memberi keterangan.

"Kedua-dua mereka tidak hadir pada prosiding yang ditetapkan pada dua minggu lalu kerana urusan rasmi, tetapi kali ini tiada alasan lagi. Selain itu, PAC juga akan mendengar penjelasan daripada KPMG yang mengaudit akaun 1MDB pada 2011 dan 2012," katanya.

Khamis, 11 Jun 2015

### **9. SPRM perlu tegas terhadap pesalah tentera**

KUALA LUMPUR 10 Jun - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) diminta bertegas ke atas mana-mana pegawai Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) yang didapati terlibat dalam penyelewengan pembekalan dan pembelian alat ganti kapal KD Laksamana Hang Nadim di Lumut, Perak.

Menteri Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein berkata, kementerian tidak akan melindungi mereka yang disiasat SPRM dan didapati bersalah berhubung isu pembelian alat ganti berkenan.

"Namun begitu, dalam kita hendak buat siasatan dan mendakwa mereka, jangan kita mendakwa pula orang yang tidak berdosa, saya tidak mahu orang yang tidak bersalah menjadi mangsa keadaan," katanya ketika ditemui di lobi Parlimen hari ini.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas berhubung penahanan dan siasatan SPRM terhadap enam pegawai TLDM Lumut pada Mac lalu kerana disyaki melakukan penyelewengan iaitu transaksi palsu melibatkan wang jutaan ringgit membabitkan alat ganti kapal perang.

Siasatan SPRM juga mencadangkan bahawa kesemua pembelian alat ganti kapal KD Laksamana Hang Nadim itu dibuat menerusi sistem Quotation Management System (QMS) yang lama dan bukannya menggunakan sistem e-Perolehan barang dan perkhidmatan secara dalam talian yang diperkenalkan Kementerian Pertahanan itu sejak Julai 1999.

SPRM mengesyaki pembelian tanpa menggunakan sistem e-Perolehan mencetuskan keraguan dalam tempahan barang yang mungkin dibuka untuk barang harga berlebihan.

Diminta mengulas tentang kehilangan beberapa maklumat daripada pengauditan dalaman itu, Hishammuddin menggesa SPRM meneliti dan menyiasat secara mendalam audit yang dibuat pihak pertahanan.

"Kami tidak akan melindungi perbuatan salah ini dan mereka yang bertanggungjawab perlu dise-gerakan siasatan.

"Pastikan ia tidak dijadikan polemik serta mana-mana pihak dijadikan mangsa, saya sebagai menteri bertanggungjawab tidak akan mencampuri, membiarkan SPRM tangkap pesalah sebenar," katanya.

Khamis, 11 Jun 2015

### **10. 1MDB nafi buat pinjaman RM2 bilion**

KUALA LUMPUR 10 Jun - 1Malaysia Development Bhd (1MDB) hari ini menafikan ia membuat pinjaman RM2 bilion daripada AmanahRaya Bhd.

"Dakwaan oleh anggota parlimen pembangkang bahawa 1MDB membuat pinjaman RM2 bilion daripada AmanahRaya Bhd adalah tidak benar," kata Presiden dan Pengarah Eksekutif Kumpulan Arul Kanda Kandasamy dalam satu kenyataan.

Beliau menegaskan bahawa 1MDB tidak mempunyai urusan kewangan, termasuk meminjam, dengan AmanahRaya.

Sementara itu dalam kenyataan berasingan, AmanahRaya turut menafikan wujudnya transaksi seperti didakwa antara kedua-dua pihak.

"AmanahRaya menegaskan bahawa laporan media itu tidak berasas dan berniat jahat. Kami menafikan AmanahRaya pernah meluluskan pinjaman kepada 1MDB."

"Kami menegaskan bahawa AmanahRaya sentiasa mematuhi tadbir urus yang ketat dalam semua urusan kami menerusi kelulusan oleh jawatankuasa pelaburan dan lembaga pengarah," katanya.

AmanahRaya berkata ia memandang berat tuduhan tidak berasas dan berniat jahat terhadapnya dan tidak teragak-agak akan mengambil tindakan undang-undang bagi melindungi perniagaan dan reputasinya.

Khamis, 11 Jun 2015

### **11. 1MDB: Arul Kanda mengaku profesional**

KUALA LUMPUR 10 Jun - Presiden dan Pengarah Eksekutif Kumpulan 1Malaysia Development Bhd. (1MDB), Arul Kanda Kandasamy menjelaskan, tugasnya di syarikat pelaburan kerajaan itu adalah profesional dan beliau akan berterusan bersikap sedemikian.

Arul Kanda memberitahu, sebagai seorang profesional, beliau bertanggungjawab untuk tindakan yang dilakukannya dan perlu memberi jawapan kepada lembaga pengarah 1MDB dan pemegang saham syarikat iaitu Kementerian Kewangan.

Malah, dalam konteks terkini, beliau perlu memberi jawapan kepada Ketua Audit Negara, Bank Negara Malaysia dan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC).

"Badan-badan dan agensi-agensi ini merupakan pihak berkuasa yang sah untuk mengesahkan sama ada saya pernah menipu atau tidak berikutan mereka itu memiliki akses setiap maklumat," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Beliau mengulas tindakan bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad dalam blognya, chedet.cc, semalam yang mempertikaikan kredibiliti dirinya sebagai presiden dan ketua pegawai eksekutif syarikat itu selain turut didakwa melakukan pembohongan beberapa kali.

Jelas Arul Kanda, beliau pada mulanya dilantik untuk mengendalikan semakan strategik terhadap syarikat dan sekarang menerajui pelaksanaan pelan rasionalisasi untuk perniagaan seperti yang dibentangkan di Kabinet pada 29 Mei lalu.

Katanya, beliau akan terus menjalankan tugas secara profesional dan akan memberikan semua maklumat bagi membantu pihak berkuasa yang sah membuktikan kebenaran berkenaan 1MDB.

Berhubung dakwaan Dr. Mahathir mengenai jawapan dikemukakan Kementerian Kewangan di peringkat Parlimen, kemudian dipinda, jawab beliau, perkara itu sudah diketahui Kementerian Kewangan dan berlaku kekeliruan terhadap maklumat yang disediakan 1MDB.

"Sebagai Presiden syarikat, saya akan bertanggungjawab sepenuhnya untuk salah faham tersebut dan akan memastikan komunikasi yang lebih baik dengan semua pihak berkepentingan," ujarnya.



Jumaat, 12 Jun 2015

## 12. PAC gesa Kementerian Kewangan arah akaun 1MDB diaudit

KUALA LUMPUR 11 Jun - Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) menggesa Kementerian Kewangan untuk mengeluarkan arahan agar penyata kewangan 1Malaysia Development Bhd. (1MDB) yang berakhir 31 Mac 2015 diaudit dengan segera.

Pengerusinya, Datuk Nur Jazlan Mohamed berkata, ini kerana kali terakhir akaun syarikat pelaburan strategik negara itu diaudit adalah pada 31 Mac tahun lalu dan perkara tersebut mengganggu perjalanan siasatan PAC ke atas 1MDB.

"Kita tanya Deloitte & Co (Deloitte) dalam prosiding semalam tentang penyata akaun terbaru, tetapi mereka kata belum dapat arahan daripada Kementerian Kewangan untuk mengauditnya.

"Selagi audit tidak buat, selagi itu kerja PAC akan terganggu. Bayangkan dari tempoh Mac tahun lalu hingga hari ini, sudah tentu banyak perkara berlaku yang perlu kita sahkan," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas mempengerusikan prosiding PAC bersama-sama Kementerian Dalam Negeri di Parlimen hari ini.

Menurut Nur Jazlan, sebagai sebuah syarikat yang disenaraikan khususnya syarikat milik kerajaan (GLC), 1MDB sepatutnya sentiasa mengemaskini akaunnya.

Beliau berkata, kebiasaannya kerja-kerja pengauditan mengambil masa selama tiga bulan dan ini bermakna penyata kewangan 1MDB yang berakhir 31 Mac 2015 sepatutnya siap pada hujung bulan ini.

"Namun apa yang berlaku, masih belum ada arahan daripada Kementerian Kewangan selaku pemegang saham untuk mengaudit akaun 1MDB.

"Jadi sampai bila isu 1MDB ni nak selesai? Rakyat di luar sudah bising nak tahu keputusan, tapi akaun 1MDB belum lagi diaudit," katanya.



Jumaat, 12 Jun 2015

### **13. Tidak boleh siar prosiding PAC 1MDB**

KUALA LUMPUR 11 Jun - desakan pembangkang agar prosiding pendengaran Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) berkaitan 1Malaysia Development Bhd. (1MDB) disiarkan secara langsung adalah bertentangan dengan Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat.

Yang Dipertua Dewan Rakyat, Tan Sri Pandikar Amin Mulia berkata, perkara berkenaan adalah bertentangan dengan Peraturan Mesyuarat 85 yang tidak memberikan mana-mana jawatankuasa termasuk PAC menyiar perbincangannya selagi penyata lengkap belum disiapkan serta diserahkan kepada pihak majlis atau dewan berkaitan.

Katanya, peraturan berkenaan adalah disebabkan individu-individu yang turut memberi keterangan dalam mesyuarat jawatankuasa adalah tidak dilindungi kekebalan sebagaimana dimiliki setiap Ahli Parlimen yang mengambil bahagian dalam prosiding Dewan Rakyat atau Dewan Negara.

"Lagipun, hak untuk mengetahui terlebih dahulu keterangan-keterangan yang dihujahkan di dalam mesyuarat jawatankuasa ialah Majlis Mesyuarat Parliment melalui pembentangan penyata oleh jawatankuasa-jawatankuasa yang berkenaan," katanya sebagaimana yang dilaporkan dalam laman web BNBBC.my hari ini.

Pandikar Amin berkata demikian bagi mengulas desakan-desakan pembangkang termasuk Ahli Parlimen Segambut dari DAP, Lim Lip Eng yang mencadangkan supaya prosiding siasatan yang dijalankan PAC ke atas 1MDB diadakan secara siaran langsung.

Lip Eng berkata, siaran langsung boleh dibuat dengan menangguhkan Perkara 85 Peraturan Mesyuarat Parlimen tersebut.

Jelas Pandikar Amin, selagi Peraturan Mesyuarat itu masih berkuat kuasa atau tidak diubah, siaran langsung penyiaran prosiding berkenaan adalah tidak dibenarkan.

Katanya lagi, sekiranya orang awam sudah mengetahui keterangan melalui siaran langsung, apa perlu lagi perkara itu dibentangkan kepada Majlis Mesyuarat Parlimen.

Dalam pada itu, Pengurus PAC, Datuk Nur Jazlan Mohamed yang mengulas perkara sama berkata, meskipun beliau secara peribadi tidak membantah prosiding pendengaran tersebut dibuat secara siaran langsung, pelaksanaannya tidak dibenarkan berdasarkan prosedur Parlimen.



Jumaat, 12 Jun 2015

#### **14. Wujudkan undang-undang sabotaj ekonomi - SPRM**

KUALA LUMPUR 11 Jun - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mencadangkan penubuhan undang-undang sabotaj ekonomi bagi menghalang aktiviti penjualan tender oleh kontraktor bumiputera kepada pihak ketiga.

Ketua Pesuruhjaya, Tan Sri Abu Kassim Mohamed berkata, tindakan menjual tender perlu dijadikan satu kesalahan jenayah memandangkan perbuatan tersebut menyebabkan dasar kerajaan untuk membangunkan ekonomi bumiputera gagal dicapai.

Beliau berkata, jika tidak dibendung, tindakan kontraktor tersebut yang dilabel sebagai musuh negara akan turut menjadi penghalang kepada peluang generasi muda yang berminat atau mahu belajar dalam bidang berkenaan.

"Sudah sampai masanya anak Melayu yang merosakkan nama bangsanya dengan menjual 100 peratus kontrak yang diberikan perlu dihukum di bawah undang-undang ini.

"Kalau seorang anak Melayu betul-betul menjalankan konsesi balak yang diterima, akan terbina kilang papan orang Melayu, akan lahir kilang perabot Melayu, namun dalam pengalaman saya, baru dapat kawasan balak sudah dapat sedangkan balak belum diusahakan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap dalam Wacana Isu Rasuah dan Penyalahgunaan Kuasa - Ancaman Terhadap Kesejahteraan Rakyat dan Kestabilan Negara di sini hari ini.

Yang turut hadir Presiden Pertubuhan Pribumi Perkasa Malaysia (Perkasa), Datuk Ibrahim Ali; Pensyarah Undang-undang Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Prof. Datuk Dr. Halim Sidek dan peguam, Zainur Zakaria.

Dalam ucapannya, Abu Kassim turut menyatakan kesal dengan tindakan yang diambil terhadap penjawat awam yang didapati melakukan pecah amanah seperti didedahkan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) setiap tahun.

Katanya, langkah menjatuhkan hukuman dengan hanya memberikan amaran kepada pesalah tidak cukup kerana kesalahan yang dilakukan telah menyebabkan kerajaan mengalami kerugian jutaan ringgit.

"Setiap tahun LKAN kata ada banyak pembaziran, pemutar skru dibeli dengan harga 10 kali ganda, rundingan dibuat bukan untuk harga rendah tetapi harga tinggi dan akhirnya hanya sekadar tindakan tatatertib diambil.

"Apabila tindakan tatatertib, kadang-kadang hanya amaran, itu sebabnya saya rasa sudah tiba masanya tindakan undang-undang diambil," tegas beliau.

Dalam pada itu, Abu Kassim turut mencadangkan Akta 694 diperkasakan dengan menambah peruntukan liabiliti korporat sebagai langkah kawalan dalaman bagi mencegah pekerja melakukan kesalahan rasuah demi manfaat institusi korporat.

"Banyak peniaga kata pegawai kerajaan rasuah, maka menjadi budaya mereka untuk memberikan rasuah, ini adalah stigma yang perlu disanggah dan untuk mendidik semua pihak saya rasa tidak cukup, perlu ada undang-undang berkesan," tegasnya. - BERNAMA



Jumaat, 12 Jun 2015

### **15. 1MDB mulakan permohonan untuk Bandar Malaysia**

KUALA LUMPUR 12 Jun - 1Malaysia Development Bhd (1MDB) merancang memulakan proses Permohonan Cadangan untuk anak syarikatnya, Bandar Malaysia Sdn. Bhd, memilih pelabur ekuiti yang berkelayakan sebagai rakan usaha sama dalam pembangunan keseluruhan Bandar Malaysia.

"Kami memohon pelabur ekuiti berkelayakan yang sesuai untuk menyatakan minat mereka dengan menandatangani perjanjian kerahsiaan bersama 1MDB bagi memudahkan perkongsian maklumat awal," kata Presiden dan Pengarah Eksekutif Kumpulan Arul Kanda dalam satu kenyataan hari ini.

Terletak di Sungai Besi, Bandar Malaysia seluas 200 hektar (495 ekar), dengan pembangunan bandar bercampur, dijangka menjadi pemangkin transformasi Greater Kuala Lumpur.

Pembangunan itu akan menjadi gerbang Kuala Lumpur untuk kereta api berkelajuan tinggi ke Singapura dan menjadi hab pengangkutan berpusat dalam bandar raya menerusi Jajaran Mass Rapid Transit 2 dan 3, Komuter KTM, Express Rail Link, dan akses masa depan ke 12 lebuh raya utama.

Arul berkata, bagi memindahkan kemudahan sedia ada di tapak berkenaan, 1MDB kini bertanggungjawab menyediakan lapan balai polis dan kem tentera baharu yang dibina di seluruh negara.

"1MDB menyumbang RM1.6 bilion untuk kos pemindahan daripada RM2.7 bilion kontrak pembinaan.

"Projek pembinaan kem-kem baharu ini berjalan lancar dan akan diserahkan pada 1 Jan, 2017, hasil kecekapan kontraktor kami, Perbadanan Perwira Hartanah Malaysia, anak syarikat milik penuh Lembaga Tabung Angkatan Tentera," katanya.

1MDB ialah syarikat pembangunan strategik milik penuh kerajaan. Ia melaksanakan inisiatif dipacu pasaran bagi membantu mentransformasikan Malaysia sebagai ekonomi pesat berkembang, berdaya saing tinggi, terangkum dan mampan.- BERNAMA



Jumaat, 12 Jun 2015

#### **16. Kematian akibat denggi meningkat 100 peratus**

PUTRAJAYA 12 Jun - Jumlah kematian akibat denggi di seluruh negara bagi enam bulan pertama tahun ini meningkat 100 peratus berbanding tempoh sama tahun lalu, kata Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah.

Beliau berkata, bagi tempoh Januari hingga 6 Jun lalu, sebanyak 144 kematian direkodkan berbanding 72 kes untuk tempoh sama pada 2014.

"Komplikasi seperti kegagalan fungsi organ hati dan buah pinggang serta 'shock syndrome' lebih kerap berlaku kepada pesakit yang dijangkiti demam denggi," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Dalam perkembangan berkaitan, Dr. Noor Hisham berkata, kes demam denggi di seluruh negara pada minggu ke-22 iaitu dari 31 Mei hingga 6 Jun meningkat lapan peratus jika dibandingkan dengan minggu sebelumnya.

Katanya, sepanjang tempoh tersebut 2,201 kes dilaporkan berbanding hanya 2,042 kes pada minggu ke-21.

Beliau berkata tujuh negeri yang menunjukkan peningkatan kes adalah Selangor iaitu 114 kes; Melaka (46 kes); Pahang (27 kes); Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya (24 kes); Negeri Sembilan (tujuh kes); Kedah (lima kes), manakala Johor (lima kes).

Tambahnya jumlah lokaliti wabak dan kawasan panas turut meningkat daripada 725 pada minggu sebelumnya kepada 793 pada minggu ke-22 iaitu peningkatan sebanyak sembilan peratus.

Sementara itu, sebanyak 131 tapak binaan di Selangor diperiksa dalam Ops Tempur Binaan Aedes yang dijalankan oleh Kementerian Kesihatan dengan kerjasama Pihak Berkuasa Tempatan serta agensi lain sejak 10 Feb lalu hingga 7 Jun, katanya.

Dr. Noor Hisham berkata, hasil pemeriksaan mendapati 113 tapak binaan mempunyai pembiakan nyamuk Aedes, manakala 94 lagi telah diberi perintah penutupan. - BERNAMA



Jumaat, 12 Jun 2015

#### **17. Tidak boleh siar prosiding PAC 1MDB**

KUALA LUMPUR 11 Jun - desakan pembangkang agar prosiding pendengaran Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) berkaitan 1Malaysia Development Bhd. (1MDB) disiarkan secara langsung adalah bertentangan dengan Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat.

Yang Dipertua Dewan Rakyat, Tan Sri Pandikar Amin Mulia berkata, perkara berkenaan adalah bertentangan dengan Peraturan Mesyuarat 85 yang tidak membenarkan mana-mana jawatankuasa termasuk PAC menyiar perbincangannya selagi penyata lengkap belum disiapkan serta diserahkan kepada pihak majlis atau dewan berkaitan.

Katanya, peraturan berkenaan adalah disebabkan individu-individu yang turut memberi keterangan dalam mesyuarat jawatankuasa adalah tidak dilindungi kekebalan sebagaimana dimiliki setiap Ahli Parlimen yang mengambil bahagian dalam prosiding Dewan Rakyat atau Dewan Negara.

"Lagipun, hak untuk mengetahui terlebih dahulu keterangan-keterangan yang dihujahkan di dalam mesyuarat jawatankuasa ialah Majlis Mesyuarat Parliment melalui pembentangan penyata oleh jawatankuasa-jawatankuasa yang berkenaan," katanya sebagaimana yang dilaporkan dalam laman web BNBBC.my hari ini.

Pandikar Amin berkata demikian bagi mengulas desakan-desakan pembangkang termasuk Ahli Parlimen Segambut dari DAP, Lim Lip Eng yang mencadangkan supaya prosiding siasatan yang dijalankan PAC ke atas 1MDB diadakan secara siaran langsung.

Lip Eng berkata, siaran langsung boleh dibuat dengan menangguhkan Perkara 85 Peraturan Mesyuarat Parlimen tersebut.

Jelas Pandikar Amin, selagi Peraturan Mesyuarat itu masih berkuat kuasa atau tidak diubah, siaran langsung penyiaran prosiding berkenaan adalah tidak dibenarkan.

Katanya lagi, sekiranya orang awam sudah mengetahui keterangan melalui siaran langsung, apa perlu lagi perkara itu dibentangkan kepada Majlis Mesyuarat Parlimen.



Selasa, 16 Jun 2015

#### **18. PAC kurang puas hati**

KUALA LUMPUR 15 Jun - Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) kurang berpuas hati dengan prestasi keseluruhan agensi kerajaan dan kementerian seperti yang dinyatakan dalam Laporan Ketua Audit Negara 2014 Siri 2.

Pengerusinya, Datuk Nur Jazlan Mohamed berkata, pihaknya terkejut dengan laporan yang dibentangkan kerana terdapat lebih banyak kelemahan dikesan berbanding laporan sebelum ini.

"Saya agak sedih apabila melihat laporan tersebut terutama mengenai institusi pengajian tinggi awam (IPTA) yang banyak kelemahan dari segi pengurusan kewangan sedangkan kesalahan mereka itu sepatutnya boleh dielakkan.

"Apa pun kita nak tegaskan kepada agensi kerajaan dan kementerian bahawa kami sedang memerhati anda, tidak bermakna kalau kita dah siasat sekali, maka kita tidak akan pantau mereka lagi. Kita akan pantau dan siasat sampai semua penjawat awam mematuhi peraturan yang ditetapkan," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat PAC bersama Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang berhubung pembentangan Laporan Ketua Audit Negara 2014 Siri 2, di Parlimen hari ini.

Menurut Nur Jazlan, antara perkara berbangkit yang akan ditumpukan PAC dalam prosiding akan datang adalah berhubung projek Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani iaitu Replikasi Model Penternakan Akuakultur Bersepadu (IZAQ).

Beliau berkata, isu yang timbul dalam projek bernilai RM2.142 bilion itu ialah tidak siap mengikuti masa serta tidak menepati sasaran kemajuan yang ditetapkan.



Rabu, 17 Jun 2015

### 19. 1MDB nafi dakwaan Dr. Mahathir

KUALA LUMPUR 16 Jun - 1Malaysia Development Bhd (1MDB) hari ini menafikan pelbagai dakwaan oleh bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad dalam blognya yang bertajuk The 1MDB Story dan More Investments By 1MDB.

Antara lain, isu membabitkan wang Lembaga Pelaburan Terengganu (TIA, pembelian tanah serta usaha sama dengan PetroSaudi) selain RM2 bilion yang dikatakan dipinjam daripada jutawan Ananda Krishnan.

"Tidak berlaku cubaan untuk 'merampas' wang TIA," kata 1MDB dalam satu kenyataan hari ini.

Pada 2009, pelbagai perbincangan berlangsung antara Kerajaan Persekutuan dan kerajaan Negeri Terengganu mengenai sumbangan setiap pihak sebagai pembiayaan untuk TIA, dengan pelbagai pilihan dibincangkan.

Akhirnya, sumbangan Kerajaan Persekutuan membabitkan jaminan terbitan Sukuk RM5 bilion Sukuk oleh TIA yang dilaksanakan pada 29 Mei 2009, sebelum TIA dijadikan badan milik Kerajaan Persekutuan.

"Susulan itu, kerajaan Terengganu memutuskan untuk menarik diri daripada TIA, yang menjurus kepada entiti itu menjadi milik Kerajaan Persekutuan pada Julai 2009," kata 1MDB.

Bertentangan dakwaan bahawa tiada kertas Kabinet dibentangkan mengenai terbitan Sukuk terbabit, 1MDB berkata, kertas Kabinet mengenai perkara itu disediakan dan diluluskan oleh Kabinet, selari dengan amalan standard, sama seperti semua jaminan lain kerajaan.

"Tambahan pula, jaminan kerajaan bukannya off-budget seperti didakwa. Ia merupakan liabiliti yang jelas dan diperakui Kerajaan Persekutuan, yang memegang 100 peratus kepentingan 1MDB," katanya.

Mengenai dakwaan bekas Perdana Menteri itu bahawa semua orang mengetahui Ananda Krishnan perlu menyediakan RM2 bilion untuk membayar faedah, syarikat pembangunan strategik itu berkata, 1MDB memang meminjam wang RM2 bilion yang diurus oleh anak syarikat Tanjong PLC yang digunakan untuk membayar pinjaman RM2 bilion yang disediakan oleh sebuah sindiket peminjam dalam negara.

"Ia tidak digunakan untuk membayar faedah, seperti yang didakwa Tun Mahathir," kata 1MDB.

Menurut 1MDB, aturan itu berkait dengan perjanjian langganan Powertek Investment Holdings (PIH), anak syarikat Tanjong, dengan Tanjong bersetuju melanggan ekuiti dalam PIH sehingga RM2 bilion, dengan keuntungan akan digunakan semata-mata untuk PIH untuk membayar balik pinjaman yang diperoleh menerusi kemudahan pinjaman RM5.5 bilion yang diurus oleh Maybank Investment Bank Bhd dan RHB Investment Bank Bhd.

"Oleh itu, jelas bahawa Tanjong mempunyai obligasi untuk melanggan sehingga RM2 bilion ekuiti dalam PIH, dengan keuntungan akan digunakan untuk membayar balik kemudahan pinjaman," kata 1MDB.

Namun, katanya, disebabkan kerahsiaan, ia tidak dapat menjelaskan lebih lanjut kandungan perjanjian itu yang membabitkan mengapa pihak terlibat akhirnya mengubah pelaburan ekuiti RM2 bilion kepada pinjaman RM2 bilion.

Mengenai dakwaan berhubung 70 ekar tanah di Jalan Tun Razak yang dijual oleh kerajaan kepada 1MDB pada harga RM320 juta, sedangkan tanah berdekatan dijual pada RM7,000 sekaki persegi dan 1MDB perlu membayar sekurang-kurangnya RM3,000 hingga RM4,000 sekaki persegi, 1MDB berkata, ia membayar RM230 juta, bukan RM320 juta untuk membeli tanah itu.

Ia menegaskan, bahawa 1MDB merupakan syarikat 100 peratus milik kerajaan dan oleh itu, sebarang pemindahan tanah kepada 1MDB dan seterusnya akan memberikan manfaat dari segi peningkatan nilai tanah 100 peratus untuk kerajaan.

"Kos infrastruktur yang dipertanggungjawabkan kepada 1MDB untuk menyiapkan Tun Razak Exchange sekurang-kurangnya RM1,500 sekaki persegi. Ini memberi faedah langsung kepada pembeli dan merupakan sebahagian daripada harga pembayaran."

Mengenai dakwaan bahawa PetroSaudi tidak membayar 'satu sen pun' dalam usaha sama dengan 1MDB, kata 1MDB berkata, PetroSaudi menerusi anak syarikatnya, memiliki aset membabitkan hak ke atas medan minyak di Turkmenistan dan Argentina, bernilai kira-kira AS\$2.7 bilion.

Aset-aset ini dijual oleh PetroSaudi kepada anak syarikat yang lain Joint Venture Company yang pada masa aset dijual, merupakan syarikat yang ditubuhkan oleh/dan pada asalnya 100 peratus milik PetroSaudi bagi memenuhi tujuan melaksanakan cadangan usaha sama dengan 1MDB.

Sebagai pulangan kepada pemindahan aset bernilai AS\$2.7 bilion, Joint Venture Company perlu membayar sejumlah AS\$700 juta kepada PetroSaudi. Hutang ini wujud daripada pemindahan aset. Dan tidak ada pinjaman dibuat atau "perlu dilangsaikan".

Pada 29 September 2009, 1MDB melaksanakan perjanjian usaha sama dengan PetroSaudi.

Selepas penilaian bebas diselesaikan, 1MDB menyumbang AS\$1 bilion dalam bentuk tunai, sebagai pulangan ke atas 40 peratus pemilikannya dalam Joint Venture Company dan PetroSaudi menguasai baki 60 peratus kepentingan dalam Joint Venture Company.

"Sumbangan 1MDB adalah dalam bentuk tunai, dengan sumbangan aset PetroSaudi yang dinilai secara bebas berjumlah AS\$2.7 bilion, kata 1MDB. - Bernama



Khamis, 18 Jun 2015

## 20. Jangan bocor rahsia kerajaan - PM

PUTRAJAYA 17 Jun - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak mengingatkan semua penjawat awam supaya tidak membocorkan rahsia kerajaan kerana setiap rahsia tersebut mempunyai kaitan dengan kepentingan negara.

Malah beliau turut mengingatkan bahawa mereka terikat dengan sumpah sebagai kakitangan awam yang sepatutnya dijaga dan dipelihara.

"Ini belum apa-apa lagi, tol akan kita naikkan. Bocor sudah. Sebab itu kita ada kaedah tertentu dan saya minta tolong kepada semua penjawat awam (tidak bocorkan rahsia kerajaan) kerana ini adalah kepentingan negara.

"Kita pun telah mengangkat sumpah dan jangan main-main dengan sumpah. Semuanya ini untuk kebaikan negara," katanya ketika berucap pada Majlis Perdana Perkhidmatan Awam Ke-14 (MAPPA XIV) bertemakan Mendepani Realiti Baharu Negara: Pertumbuhan Melalui Produktiviti dan Inovasi di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) di sini hari ini.

Peringatan Perdana Menteri itu berkaitan dengan isu penyebaran khabar angin dalam media serta laman sosial berhubung kenaikan kadar tol pada minggu lepas yang sebenarnya belum sahih.

Najib yang kecewa dengan penyebaran berita tersebut menjelaskan, kerajaan masih lagi mengkaji perkara itu dan ketika ini tiada keputusan mengenainya.

"Pihak yang tidak beretika membocorkan perkara ini telah mengkhianati Kabinet," kata Perdana Menteri dalam sidang akhbar ketika mengulas isu tersebut selepas mempengerusikan Mesyuarat Dewan Tertinggi Barisan Nasional (BN) di Kuala Lumpur, 12 Jun lalu.

Bercakap lebih lanjut dalam ucapannya di hadapan 5,000 kakitangan awam itu, Najib berkata, manapun kerajaan sekalipun amat menitikberatkan soal menjaga kerahsiaan

"Sebab itu sekiranya kerajaan belum bersedia membuat pengumuman, jangan bocor. Sekiranya bocor (rahsia kerajaan) boleh jadi keputusan itu berlainan nanti," katanya.

Dalam pada itu, Perdana Menteri turut melontarkan cadangan iaitu kementerian yang berjaya menjimatkan perbelanjaan hasil daripada agihan peruntukan kerajaan akan dikembalikan semula kepada kementerian berkenaan.

"Kebiasaannya jika peruntukan dapat dijimatkan, lebihan itu akan dipulangkan kepada Perbendaharaan," katanya.



Jumaat, 19 Jun 2015

### **21. 1MDB: Semua bukti dikongsi dengan juruaudit**

KUALA LUMPUR 18 Jun - Semua keterangan dan bukti berkaitan perniagaan dan transaksi kewangan 1Malaysia Development Bhd (1MDB) telah dikongsi dengan juruaudit bebas dan pihak berkuasa Malaysia, kata 1MDB.

1MDB berkata demikian ketika menjawab catatan terbaru bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dalam blognya, 'Jawapan 1MDB,' yang meminta keterangan berdokumen.

Pada Selasa, 1MDB dalam satu kenyataan yang panjang lebar, menjawab pertanyaan dan dakwaan Dr. Mahathir mengenai pelbagai isu berkaitan syarikat pembangunan strategik negara itu.

1MDB berkata, ia telah menjawab dengan terperinci serta fakta yang boleh disahkan.

"Kini setelah dikemukakan dengan fakta oleh 1MDB, Dr Mahathir telah meminta keterangan berdokumen.

"Sebagaimana telah dijelaskan 1MDB, semua keterangan dan bukti berkaitan perniagaan dan transaksi kewangan 1MDB telah dikongsi dengan juruaudit bebas dan pihak berkuasa Malaysia," katanya dalam satu kenyataan.

Pihak berkuasa terbabit boleh mengambil tindakan bersesuaian mengikut proses dan undang-undang Malaysia, katanya.

1MDB menegaskan ia kekal fokus sepenuhnya kepada melaksanakan pelan rasionalisasinya.

Sebagaimana yang telah dicapai dengan EdraEnergy, ia akan menyaksikan Tun Razak Exchange dan Bandar Malaysia menjadi syarikat berdiri sendiri, yang bertanggungjawab sepenuhnya ke atas prestasi operasi dan kewangan mereka, tambah kenyataan berkenaan.

Menurutnya, pembayaran balik pinjaman RM3.6bilion baru-baru ini mencerminkan komitmen 1MDB mengurangkan keseluruhan paras hutangnya sejajar dengan pelaksanaan pelan rasionalisasi itu.

Syarikat itu yakin mampu menjana nilai maksimum untuk pemegang saham 100 peratus 1MDB, iaitu kerajaan Malaysia, tambahnya. - BERNAMA



Rabu, 24 Jun 2015

## 22. 18 pegawai kerajaan dikenalpasti diperakukan tindakan tatatertib

PUTRAJAYA 23 Jun - Sebanyak 18 pegawai kerajaan telah dikenal pasti untuk diperakukan kepada tindakan tatatertib oleh Jawatankuasa Siasatan yang bertanggungjawab menyiasat Laporan Ketua Audit Negara 2014 Siri Kedua sehingga siasatan dijalankan semalam.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr. Ali Hamsa berkata, tindakan itu diambil susulan daripada siasatan jawatankuasa terbabit terhadap dua teguran punitive (hukuman) daripada sembilan teguran yang membabitkan kerugian berjumlah RM166,259 kepada pihak kerajaan.

Beliau berkata, baki kes terhadap teguran tersebut pula tidak melibatkan sebarang kerugian wang sebaliknya hanya melibatkan kesalahan akibat ketidakpatuhan kepada peraturan kewangan.

"Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah mengambil langkah proaktif dengan menubuhkan lima jawatankuasa siasatan bagi menyiasat sembilan teguran punitive yang melibatkan dua kementerian iaitu Kementerian Pendidikan sebanyak lapan teguran dan Jabatan Perdana Menteri satu teguran.

"Selain itu, teguran punitive turut membabitkan tiga badan berkanun Persekutuan atau syarikat kerajaan Persekutuan dan dua syarikat negeri. Jabatan Audit Negara telah mengarahkan agensi terbabit untuk menjalankan siasatan dan mengemukakan siasatan selewat-lewatnya pada 12 Julai ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap dalam sesi bersama media berhubung tindakan susulan Laporan Ketua Audit Negara 2014 Siri Kedua di JPA di sini hari ini.

Jumaat, 26 Jun 2015

### 23.31 kemudahan kesihatan rosak

#### Akibat gempa bumi Sabah 5 Jun lalu

RANAU 25 Jun - Sistem perkhidmatan kesihatan di negeri ini dilihat berjalan lancar walaupun beberapa kemudahan kesihatan mengalami kerosakan susulan kejadian gempa bumi pada 5 Jun lalu.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. S. Subramaniam berkata, sebanyak 31 kemudahan milik kementerian itu di negeri ini dikenal pasti rosak akibat kesan gegaran sekutu 5.9 pada skala Richter itu.

Bagaimanapun, jelasnya, permasalahan itu sama sekali tidak menjasarkan pihak pengurusan hospital serta klinik kesihatan memberi perkhidmatan kesihatan terbaik kepada rakyat.

"Kerosakan yang berlaku terhadap kemudahan milik kementerian sama sekali tidak menjasarkan sistem perkhidmatan kesihatan, malah semua berjalan lancar dan mempunyai keperluan cukup untuk merawat pesakit.

"Kerosakan kemudahan ini melibatkan kuarters hospital, klinik kesihatan, klinik desa serta klinik ibu dan anak di beberapa buah daerah seperti di Ranau, Tuaran, Kota Belud, Papar, Putatan serta Kundasang," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas melawat Klinik Desa Kelawat, Klinik Kesihatan Kundasang dan Hospital Ranau bagi melihat kesan kerosakan akibat kejadian gempa bumi, di sini hari ini.

Yang turut hadir Pengarah Jabatan Kesihatan negeri, Dr. Christina Rundi dan Pengarah Hospital Ranau, Dr. Clarence D. Sirisani.

Mengulas lanjut Subramaniam berkata, pihak kementerian akan meneliti laporan lanjut berhubung kerosakan infrastruktur di semua premis kesihatan di Sabah dari Jabatan Kerja Raya (JKR) negeri.

Menurutnya, hasil siasatan pihak forensik JKR negeri itu khususnya berkaitan keretakan bangunan kuarters di Klinik Kesihatan Kundasang, Klinik Kesihatan Kelawat di Kota Belud dan kuarters Hospital Ranau.

"Selepas analisis dan laporan penuh dikemukakan kepada pihak kementerian, tindakan membaiki atau membina semula bangunan yang rosak akan dilakukan secepat mungkin," katanya.

Tambah beliau, tidak timbul sebarang permasalahan atau halangan dalam penyediaan bantuan kerana peruntukan adalah mencukupi.

Tegasnya, proses pemulihan serta membaik pulih bangunan adalah keutamaan dan jauh lebih penting berbanding kos yang diperlukan untuk kerja-kerja tersebut demi keselamatan orang ramai.



Selasa, 30 Jun 2015

#### **24. 1MDB nafi dakwaan kerajaan menjamin syarikat IPIC**

KUALA LUMPUR 29 Jun - 1Malaysia Development Berhad (1MDB) menafikan tuduhan Ahli Parlimen Petaling Jaya Utara, Tony Pua, kononnya kerajaan Malaysia menjamin International Petroleum Investment Company (IPIC) yang menjalinkan kerjasama dengan syarikat pelaburan strategik itu.

Menyifatkan tuduhan Pengerusi DAP Selangor itu sebagai sangat tidak bertanggungjawab, 1MDB dalam satu kenyataan menegaskan, kerajaan Malaysia dan Kementerian Kewangan tidak terlibat dalam memberi apa-apa jaminan ke atas perjanjian komersial yang ditandatangani baru-baru ini.

Tegas syarikat pelaburan strategik kerajaan itu, adalah menjadi pengetahuan umum bahawa kerajaan Malaysia hanya mengeluarkan 'surat sokongan' dan hakikat berkenaan jauh berbeza dengan jaminan berjumlah AS\$3 bilion (RM11.35 bilion) yang dikeluarkan sendiri oleh 1MDB.

"Tony Pua sengaja mahu memesongkan orang ramai apabila tidak menjelaskan klausa penting mengenai ganti rugi, yang terpakai ke atas kedua-dua syarikat baik IPIC dan 1MDB. Ganti rugi dalam perjanjian komersial ini jelas bahawa tiada duit akan 'keluar daripada poket' pihak lain.

"Kerajaan tidak terlibat memberi apa-apa jaminan dan sudah menjadi pengetahuan umum bahawa jaminan yang diterbitkan pada 2012 bagi pembiayaan pokok AS\$3.5 bilion (RM13.24 bilion) dan faedah AS\$2 bilion (RM7.6 bilion) adalah daripada 1MDB," tegas syarikat itu di sini hari ini.

Tony Pua dalam tuduhan terbaharunya mendakwa, kerajaan Malaysia sudah pun menyediakan sejumlah AS\$4.71 bilion (RM17.1 bilion) bagi menjamin IPIC sekiranya 1MDB gagal menunaikan tanggungjawabnya untuk memindahkan aset yang sama nilai sebelum 30 Jun 2016.

Sementara itu, dalam kenyataan berasingan, 1MDB kesal dengan kenyataan pihak-pihak tertentu yang menjadikan projek pembangunan semula Masjid Jamek di Kampung Baru sebagai modal untuk kepentingan agenda politik peribadi mereka.

Sedangkan jelas syarikat pelaburan strategik kerajaan itu, pembangunan semula masjid berkenaan merupakan satu daripada aktiviti tanggungjawab sosial korporat (CSR) yang dilaksanakan syarikat tersebut di bawah Yayasan 1MDB.